

# UMSKAL juara ping pong dan sepak takraw

UB 12.4.2017 A14

LABUAN: Kontinjen Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) muncul juara acara ping pong dan sepak takraw senior di Kejohanan Sukan Staf UMS Ke-16 2017 yang diadakan di Kota Kinabalu pada 7-9 April lalu.

Pasukan bola tampar wanita menduduki tempat kedua manakala pasukan lelaki di tempat keempat.

Pasukan larian 8 x 1 kilometer di tempat kelapan manakala pasukan badminton terkandas di peringkat kumpulan.

Pasukan ping pong diketuai pengurus pasukan, Prof Madya Dr Syed Nasirin bersama lima pemain iaitu Malai Zaidee Bakar, Lee Hock Ann, Nicholas Teong Kan Vun, Ruth Sikopit Siganul dan Ooi Ai Yee.



**PEMAIN** sepak takraw meraikan kejayaan mereka menjuarai acara tersebut.

Manakala Mat Rahim Matsin, Ahmiddol Rahman Maslih, Mohd Ibrahim Kudil dan Rayme Musa membarisi pasukan sepak takraw.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik berkata kontinjen itu

hanya menyertai enam acara iaitu bola tampar lelaki dan wanita, badminton, sepak takraw, ping pong dan larian 8 x 1 kilometer.

Beliau mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pemain dan pegawai



**SYED Nasirin (tengah)** bersama pemain pasukan ping pong memegang trofi kejuaraan.

yang menganggotai kontinjen UMSKAL pada tahun ini.

Dr Murnizam tidak lupa merakamkan ucapan penghar-

gaan kepada Timbalan Pengarah, Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Timbalan Pendaftar Kanan, Zamri Mo-

hammad Tuah, Pegawai Belia dan Sukan Kanan, Gabriel Moinjil serta pengurus-pengurus pasukan.



**PASUKAN** bola tampar wanita muncul naib johan Sukan Staf UMS 2017.